

26/02/2001

Wartawan susah buat liputan di Tanjung Puteri

Othman Mamat

TIDAK ada topik lebih hangat diperkatakan di Johor sepanjang minggu ini, selain Kejohanan Grand Prix Powerboat Dunia Formula 1 (F1) Malaysia di Tanjung Puteri, yang berakhir petang semalam (Ahad).

Kejayaan penganjuran kejohanan bot laju bertaraf dunia itu hingga mendapat pujian pelbagai pihak termasuk pelancong dari dalam dan luar negara, mengukirkan nama Johor sebagai destinasi sukan permotoran air berwibawa di rantau ini.

Banyak pujian dihamburkan peminat dari luar negara mahu pun penduduk tempatan yang menyatakan kekaguman mereka terhadap usaha Kerajaan Johor mendapatkan hak penganjuran sukan berprestij itu.

Malah, ada antara mereka yang pernah menyaksikan acara seumpamanya di luar negara menyifatkan kejohanan yang berlangsung di Tanjung Puteri adalah yang terbaik dari segi sambutan penonton.

Ini berikutan lebih 60,000 penonton beresak di sepanjang litar sepanjang 1.2 kilometer itu pada setiap hari selama tiga hari berturut-turut untuk menyaksikan 26 pelumba bertaraf dunia mempamerkan kemahiran mereka memecut bot berkuasa tinggi membelah Selat Tebrau.

Pada masa sama, dianggarkan 500 juta penonton menyaksikan siaran langsung kejohanan berkenaan menerusi stesen televisyen di seluruh dunia ketika perlumbaan akhir berlangsung, petang semalam.

Union Internationale Motonautique (UIM), pemegang hak penganjuran sukan berprestij itu serta pelumba dan pegawai pasukan yang bertanding turut mengakui kewibawaan penganjur tempatan, H2O Sports Sdn Bhd, menyediakan pelbagai kemudahan dan kelengkapan bagi acara selama tiga hari itu.

Ini sesungguhnya satu lagi kejayaan negara menerusi slogan 'Malaysia Boleh' selain menjadi kebanggaan rakyat Johor selepas membuktikan keupayaan negeri ini menjadi tuan rumah acara bertaraf dunia.

Dalam kesibukan menerima pujian itu, sebenarnya H2O Sports tidak dapat lari daripada menerima kritikan pelbagai pihak yang tidak senang dengan cara pengurusan yang masih agak kelam-kabut.

Antara kritikan itu datangnya daripada petugas media yang kurang selesa dengan corak pengendalian dan pengawasan sektor keselamatan di tapak kejohanan yang disifatkan kurang profesional.

Ada rakan setugas mengadu beliau dan beberapa petugas lain diperlakukan seperti 'budak jahat' yang bukan saja dihalang memasuki kawasan tertentu, malah sentiasa diburu pengawal keselamatan yang ditugaskan memerhati gerak-geri wartawan yang membuat liputan.

Insiden itu mungkin disebabkan kurangnya penyelarasan atau masalah komunikasi antara pegawai H2O Sports dengan pengawal keselamatan yang dilantik mereka untuk mengawasi tapak kejohanan.

Peristiwa ini bukan sekadar berlaku pada hari akhir pertandingan yang menjadi bertambah meriah dengan kehadiran Sultan Johor, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Malah, ia berlarutan sejak hari pertama pertandingan pada Jumaat lalu apabila jurugambar dilarang memasuki kawasan pit atau merakamkan gambar pelumba yang sedang membuat persiapan untuk menguji bot masing-masing.

Pas khas media yang diedarkan pihak penganjur kepada wartawan dan jurugambar digantung pada leher hanya sekadar menjadi hiasan, tanpa mempunyai sebarang keistimewaan seperti sepatutnya.

Pas itu dikatakan hanya laku di pusat media sedangkan dalam membuat

liputan acara sukan seperti ini, wartawan dan jurugambar perlu bergerak ke sana ke mari untuk mewawancara pelumba atau pegawai pasukan yang bertanding.

Masalah ini tidak mungkin tidak disedari pihak penganjur mahu pun perunding perhubungan awam yang dilantik untuk menguruskan keperluan wartawan. Ini kerana sehari sebelum kejohanan bermula, iaitu ketika petugas media dijemput untuk menyertai `site tour`, mereka sudah membangkitkannya kepada pihak penganjur.

Untuk menyejuk hati petugas media, pegawai penganjur mendakwa kononnya mereka kurang berpengalaman mengendalikan acara besar seperti ini sambil meminta maaf dan berjanji ia tidak akan berulang selepas itu.

Namun, hakikatnya masalah itu tidak diatasi menyebabkan petugas media terus merungut mengenai kesulitan untuk membuat liputan.

Kurang pengalaman bukanlah alasan kukuh untuk menangani masalah ini kerana petugas media tidak pernah meminta dilayan seperti tetamu kehormat ketika menjalankan tugas.

Mereka ada misi hampir sama dengan pihak penganjur, iaitu memastikan acara itu mendapat liputan terbaik sekali gus mengharumkan nama negara.

Penganjur sepatutnya menimba pengalaman dan menjadikan kepincangan pada musim pertama ini sebagai garis panduan agar peristiwa serupa tidak berulang apabila musim berikutnya berlangsung kelak.

Walau apa pun, rakyat negara ini harus berbangga kerana semangat Malaysia Boleh yang menjadi azimat kita, sekali lagi membuahkan kejayaan amat manis buat kita semua!

(END)